

Dr Mahathir lawat Kubang Pasu hari ini

BH 6 JUL 2002
Oleh Kadir Dikon dan

Mohd Anwar Patho Rohman

KUALA LUMPUR, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan pertama ke kawasan Parlimennya di Kubang Pasu, Kedah esok selepas menggemparkan negara dengan mengumumkan peletakan jawatan dalam kerajaan dan parti, 22 Jun lalu.

Lawatan singkat itu dilihat penting bukan saja bagi menerangkan proses

peralihan kuasa dan kesanggupan beliau meneraju negara sehingga Oktober 2003, malah dapat membantu Barisan Nasional (BN) memenangi pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit.

Perdana Menteri yang dijadualkan tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas pada jam 8.45 pagi, dijangka disambut lebih 35,000 rakyat pelbagai kaum.

Dr Mahathir yang baru pulang ke tanah air semalam selepas 10 hari bercuti di Itali, juga akan melawat tapak Dewan Wawasan dan Kompleks Pentadbiran Pejabat Daerah Kubang Pasu di Batu 13, Kamunting, Jitra pada jam 10 pagi.

Beliau akan menunaikan solat Jumaat di Masjid Kemunting sebelum berlepas ke Chengmai pada jam 3 petang untuk lawatan kerja dua hari ke Thailand.

Baru-baru ini, Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Mohd Johari Baharom, berkata kepulangan Dr Mahathir ke Kubang Pasu akan memberi peluang kepada orang ramai bersempena dengan Perdana Menteri.

Johari berkata, lawatan itu sebenarnya sudah lama diatur dan bukan selepas Perdana Menteri meluahkan hasratnya untuk meletak jawatan.

LIHAT MUKA 2

Dr M akan minta sokongan Thaksin

DARI MUKA 1

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata dalam lawatan kerja dua hari ke Thailand, Dr Mahathir akan menemui rakan sejawatannya, Thaksin Shinawatra bagi membincangkan pelbagai isu dua hala negara, serantau dan antarabangsa.

Katanya, Perdana Menteri dijangka membincangkan perkara penting termasuk bagi mendapatkan sokongan Thailand untuk membolehkan Malaysia mengadakan Sidang Kemuncak Asean + 3 (China, Jepun dan Korea).

Beliau berkata, antara isu yang akan dibincangkan ialah soal pembinaan paip gas milik Petronas, isu sempadan di Bukit Jeli dan perdagangan.

“Perdana Menteri akan berlepas dari Alor Star ke Chengmai sebelum ke Bangkok bagi menemui rakan sejawatnya.

“Ini adalah lawatan pertama Dr Mahathir ke Thailand sejak Thaksin menjadi Perdana Menteri,” katanya di Putrajaya, hari ini.

Syed Hamid berkata, selain membuat kunjungan hormat terhadap Raja Permaisuri Thailand, Ratu Siri-

sempena pelancaran Dewan Perniagaan Malaysia-Thailand.

“Lawatan ini memang ditunggu dan kita berpuas hati kerana Perdana Menteri mempunyai masa menemui rakan sejawatan dan mendatangkan hasil positif.

“Kita mempunyai banyak kepentingan bersama kerana Thailand adalah rakan perdagangan kedua terbesar di Asia Tenggara dan kelima di dunia. Pelaburan kita di sana juga banyak,” katanya.

Beliau berkata, rombongan Kementerian Pertanian diketuai Menteri Pertanian, Datuk Mohd Effendi Norwawi sudah berlepas ke Thailand semalam untuk berbincang mengenai kerjasama dalam bidang pertanian dan perikanan.

Katanya, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Lim Keng Yeik akan turut serta bagi berunding dengan kerajaan negara itu dalam pengeluaran getah.

“Kita juga ingin mendapatkan pandangan Thailand yang menyertai perjanjian tiga hala antara Malaysia, Thailand dan Filipina bagi bertukar maklumat dalam usaha membanteras keganasan yang diketuai Ketua Polis